

02/03/1998

Dialog bangkit semangat perpaduan rakyat

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Dialog Perkongsian Pintar Kebangsaan (NSPD), yang bermula di sini esok bertepatan pada masanya kerana ia membangkitkan semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang boleh dibuktikan sebagai cara terbaik mengatasi masalah ekonomi sekarang.

Perdana Menteri berkata dialog itu akan mengumpulkan rakyat daripada pelbagai latar belakang untuk membincang isu berkaitan dan penyelesaian, terutama dalam konteks perkongsian pintar dan teknologi, terhadap masalah itu.

"Kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan buruh perlu terus dipertingkatkan bagi memastikan program pembangunan dilaksanakan dengan lancar," kata Dr Mahathir dalam perutusan beliau dalam buku acara NSPD '98.

Kira-kira 250 peserta termasuk pemimpin politik, pegawai tinggi kerajaan, pemimpin korporat dan pemimpin kesatuan sekerja, dijangka menghadiri dialog dua hari itu yang bertemakan 'Pemulihan Ekonomi Menerusi Perkongsian Pintar'.

Dr Mahathir berkata, matlamat jangka panjang yang ditetapkan dalam Wawasan 2020 mungkin sukar dicapai tanpa perkongsian pintar yang saling mempengaruhi di syarikat, industri dan peringkat kebangsaan.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam perutusannya pula berkata, cabaran ekonomi negara sekarang memerlukan pendekatan terperinci terhadap usaha mengekalkan dan mengukuhkan proses pembangunan secara wajar, produktif, menyeluruh dan mapan.

(END)